

# UMS-KAL sedia bekerjasama dengan Muzium Labuan

UB 05.10.2012 A2

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sedia bekerjasama dengan Jabatan Muzium Wilayah

Persekutuan Labuan termasuk mengadakan seminar berkaitan sejarah negara dan Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya



ISMAIL (empat kanan) menyampaikan cenderamata kepada Siti Rabia diperhatikan pegawai kanan UMS-KAL dan Muzium Labuan.

Dr Ismail Ali berkata melalui seminar dan lawatan ke tapak bersejarah akan mendekatkan pelajar dan kakitangan dengan bahan dan artifak bersejarah mengenai negara dan Labuan amnya.

Katanya, pihak Muzium Labuan boleh menyediakan bahan untuk dipamerkan kepada warga kampus terutama pelajar untuk mereka mengetahui lebih mendalam sejarah negara.

“Dengan adanya pameran seperti itu terutama sejarah negara ianya akan mewujudkan kecintaan terhadap negara dan sejarah tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah Jabatan Muzium Labuan, Siti Rabia Abd Rahman di pejabat muzium itu, kelmarin.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL,

Musnin Mattersah dan Pegawai Khas Dr Ismail, Suffian Osman.

Sementara itu, Siti Rabia berkata pihaknya masih mengalu-alukan sumbangan bahan bersejarah daripada warga Labuan mengenai sejarah tempatan untuk dipamerkan di Muzium Labuan.

Katanya, kerjasama orang ramai untuk membantu Muzium Labuan mengumpul bahan sejarah termasuk gambar dan artifak sejarah Labuan masih diperlukan kerana bahan seperti itu masih kurang di Muzium Labuan.

“Saya yakin warga Labuan masih menyimpan banyak khazanah berkaitan sejarah Labuan yang sewajarnya dikongsi bersama selain sebagai daya tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa ke Muzium Labuan dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya,” katanya.